



23 Jun 2023
23 June 2023
P.U. (B) 217

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN
PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

*NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF
RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui Pemberitahuan No. 180/1972 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* pada 25 Mei 1972, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 828*], Raja di dalam Majlis telah mengisytiharkan bahawa sekeping tanah yang terletak di mukim Kuala Lumpur yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan di atas pelan ukur hasil No. C.P. 27,605 yang disimpan di pejabat Ketua Juruukur, Selangor, menjadi suatu rizab bagi suatu tapak untuk Pejabat Kerja Ayer di bawah jagaan Jurutera Negeri Selangor:

DAN BAHAWASANYA, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, sebagaimana yang diubah suai melalui Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Kanun Tanah Negara), 1974 [*P.U. (A) 56/1974*] dan diwakilkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Perwakilan Kuasa di bawah Seksyen 13 [*P.U. (B) 108/2003*], Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memberikan notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan siasatan oleh Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berhubung dengan cadangan pembatalan itu akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tingkat 2, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur mulai pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang pada 27 Jun 2023 dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap cadangan pembatalan itu boleh hadir ke siasatan itu.

JADUAL

Daerah : Kuala Lumpur

Mukim : Kuala Lumpur

No. Pelan : C.P. 27,605

No. Lot : 13,509

Luas : 204, 989 kaki persegi

Bertarikh 21 Jun 2023

[PTG/WP(S).100-2/17/2/3 Jld 14; PTGKL/11/BPRZ/2022/15(10); PN(PU2)213/JLD. 113]

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI

Pengerusi

Jawatankuasa Kerja Tanah

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

NATIONAL LAND CODE

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND
FOR PUBLIC PURPOSE

WHEREAS, by Notification No. 180/1972 published in the Government of Selangor *Gazette* on 25 May 1972, in exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 828*], the Ruler in Council has proclaimed that the parcel of land situated in the mukim of Kuala Lumpur described in the Schedule and delineated on revenue survey plan No. C.P. 27,605 deposited in the office of the Chief Surveyor, Selangor, to be a reserve for the purpose of a site for a Water Works Office to be under the control of the State Engineer of Selangor:

AND WHEREAS, it now appears expedient to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur that the whole of the aforesaid reservation be revoked under section 64 of the National Land Code:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred by subsection 64(2) of the National Land Code, as modified by the Federal Territory (Modification of National Land Code) Order, 1974 [*P.U. (A) 56/1974*] and delegated by the Government of the Federation by the Delegation of Powers under Section 13 [*P.U. (B) 108/2003*], the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur gives notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule and an enquiry by the Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur in relation to the proposed revocation will be held at the Office of the Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur, 2nd Floor, Federal House, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur from 9.00 a.m. until 4.00 p.m. on 27 June 2023 and any person who desires to object against the proposed revocation may attend the enquiry.

SCHEDULE

District : Kuala Lumpur

Mukim : Kuala Lumpur

Plan No. : C.P. 27,605

Lot No. : 13,509

Area : 204,989 sq. ft.

Dated 21 June 2023

[PTG/WP(S).100-2/17/2/3 Jld 14; PTGKL/11/BPRZ/2022/15(10); PN(PU2)213/JLD. 113]

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI

Chairman

Land Executive Committee

Federal Territory of Kuala Lumpur